

13 JUL 2003

Abdullah-MCA

PENARIKAN BALIK PENGGANTUNGAN DUA ADUN PERLU IKUT PROSEDUR

SEPANG, 13 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penarikan balik penggantungan yang dikenakan terhadap dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang perlu mengikut prosedur iaitu diputuskan oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN).

Timbalan Perdana Menteri berkata Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting telah memberikan pandangan beliau supaya penggantungan keanggotaan dua Adun itu ditarik balik dan Dewan Tertinggi BN boleh dipanggil untuk bermesyuarat supaya keputusan dapat dibuat.

Abdullah, yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata apa yang perlu difahami adalah tindakan penggantungan itu dikenakan oleh Dewan Tertinggi BN dan bagi negeri Pulau Pinang, kes penggantungan ini adalah kes BN.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini sejurus tiba ke tanah air dari Jepun setelah mengakhiri lawatan kerja tiga hari ke negara itu, beliau berkata perkara ini adalah berkaitan tentang soal prosedur.

Abdullah berkata demikian setelah diminta mengulas mengenai keputusan mesyuarat Majlis Presiden MCA Khamis lepas yang memutuskan untuk menarik balik penggantungan keanggotaan Adun Jawi, Tan Chang Liang dan Adun Datuk Keramat, Lim Boo Chang.

Keanggotaan kedua-dua Adun itu digantung serta-merta kerana mengambil tindakan berkecuali berkaitan usul DAP mengenai projek pembinaan jalan lingkaran luar di negeri itu.

Beliau juga ditanya mengenai kenyataan Pengerusi BN negeri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon semalam bahawa beliau (Dr Koh) tidak tahu menahu mengenai keputusan MCA menarik balik penggantungan keanggotaan kedua-dua Adun itu.

Abdullah berkata Ong sebelum ini telah meminta pandangan pemimpin-pemimpin BN mengenai cadangan menarik balik tindakan disiplin terhadap Tan dan Lim.

Pelbagai hujah, katanya telah diberikan terutama supaya parti MCA dapat diperkukuhkan lagi dan supaya tiada timbul sebarang masalah dalam parti.

"Beliau juga sudah jumpa saya. Kalau itulah pandangan-pandangan yang beliau berikan, saya tidak akan menghalang tindakan yang diambil itu untuk kebaikan," katanya.

Abdullah percaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mempunyai pandangan yang sama.

Beliau berkata apa yang diperlukan ialah anggota Dewan Tertinggi memberikan pandangan yang membolehkan kes penggantungan itu ditarik balik dan pandangan itu perlu dibawa ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN untuk dibincangkan dan dibuat keputusan.

Katanya di dalam mesyuarat itu, anggota Dewan Tertinggi BN akan mempertimbangkan semua pandangan, termasuk daripada anggota parti komponen lain dan kemudiannya bersetuju agar penggantungan itu ditarik balik.

"(Jadi penggantungan itu) tidak lagi dikenakan dan ia sudah jadi satu keputusan dan tiada pertikaian akan timbul mengenainya."

"Saya harap tidak akan ada masalah. Saya harap pihak MCApun dengan kenyataan yang saya berikan ini tadi tidak akan berasa tidak senang hati," katanya.

-- BERNAMA

RIZ ROS